

# Henti usik Bukit Persekutuan elak risiko tanah runtuh

Oleh **Suzalina Halid** - Mei 11, 2022 @ 1:26pm

[suzalina@bh.com.my](mailto:suzalina@bh.com.my)



Keadaan suasana tapak projek pembinaan yang giat dijalankan di Bukit Persekutuan yang menyebabkan kerosakan pada bukit dan hutan. - Foto NSTP/Asyraf Hamzah

**KUALA LUMPUR:** Pembangunan terhadap puncak bukit dan kawasan sensitif sekitar ibu negara, termasuklah Bukit Persekutuan, perlu dihentikan bagi mengelak risiko gelinciran tanah atau banjir kilat.

Pakar Geologi Kejuruteraan dan Mekanik Tanah dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Nor Shahidah Mohd Nazer, berkata jika pembangunan itu tidak dapat dielakkan, tahap kestabilan cerun perlu dipertingkatkan bagi mengelak risiko.

Beliau berkata, tidak perlu memburukkan lagi keadaan sedia ada termasuk di kawasan Bukit Persekutuan yang boleh diwartakan sebagai Tapak Warisan Kebangsaan dengan mengambil kira nilai sejarah yang dimilikinya.

Katanya, landskap kawasan perbukitan di tengah kepesatan kota perlu dikekalkan bagi menambah nilai estetika kawasan Bukit Persekutuan, selain menyeimbangi ekosistem sedia ada.

"Ini membabitkan pelan kawalan cerun yang komprehensif dan menyeluruh, namun kosnya tidak murah tetapi amat perlu untuk merendahkan risiko gelinciran tanah.

"Sebenarnya ada banyak kaedah kejuruteraan yang digunakan untuk menambah kestabilan cerun, semuanya bergantung kepada bahan pembentuk cerun itu sendiri.

"Cerun tanah selalunya menggunakan kaedah penerasan di samping tambahan struktur penahan cerun yang lain seperti dinding gabion, 'shotcrete' ataupun 'soil nail'.



Kesan runtuh di Lingkungan Negeri Sembilan, Bukit Persekutuan yang memberi kesan kepada penduduk Jalan Limau Purut . NSTP/Asyraf Hamzah

"Penggunaan reinforced pile juga boleh membantu meningkatkan kekuatan ricih tanah, namun perlu difahami kos yang perlu dikeluarkan untuk semua kaedah ini adalah sangat tinggi, terutamanya yang membabitkan kawasan puncak bukit," katanya kepada BH, di sini.

Beliau mengulas laporan BH mengenai Bukit Persekutuan yang sepatutnya menjadi 'nadi hijau' sekitar ibu kota kini berdepan ancaman dengan beberapa projek pembangunan dan penerokaan sedang dilakukan, termasuk di kawasan puncak bukit.

Pada masa sama beliau berkata, jika pembangunan tepu dan padat di sesuatu kawasan, banjir mudah berlaku kerana kekurangan zon telap air dan sistem perparitan yang kurang efisien.

Katanya, apabila kawasan perbukitan pula diteroka, aliran air dari kawasan bukit akan lebih cepat sampai ke kawasan landai dan risiko ini akan menjadi berkali ganda lagi kerana sistem perparitan sedia ada akan terbeban dan melebihi kapasiti yang mampu ditampung.

"Semestinya banjir akan lebih teruk ditambah pula dengan ragam perubahan iklim yang semakin tidak menentu sekarang.

"Trend hujan lampau lebat yang semakin ekstrem perlu diambil perhatian kerana banjir kilat kini berlaku hampir setiap kali hujan dan menyebabkan kesusahan kepada penduduk sekitar," katanya

Beliau berkata, kejadian geobencana pasti berlaku walau negara mempunyai garis panduan yang jelas sekalipun kerana alam sekitar bersifat dinamik maka proses yang berlaku ke atas alam sekitar tidak akan berhenti malahan akan sentiasa berevolusi sepanjang zaman.

Katanya, namun demikian, kewujudan garis panduan sering diambil mudah oleh sesetengah pihak yang terlibat menyebabkan berlakunya penerokaan di kawasan yang tidak sepatutnya.

"Oleh itu jika diperhalusi garis panduan sedia ada, jelas sekali sebahagian komponen yang digariskan di dalam garis panduan tidak lagi relevan dengan keadaan semasa dan perlu dirombak semula mengikut kesesuaian faktor geologi dan geografi," katanya.



Kondominium Bangsar Indah di pinggir cerun Bukit Persekutuan.

Sementara itu, Pengerusi Selamatkan Kuala Lumpur, Datuk Mumtaz Ali, berkata kehidupan kira-kira 20,000 penduduk sekitar Bukit Persekutuan di sini, dikhuatiri terus terjejas akibat kejadian tanah runtuh dan banjir kilat yang boleh terjadi susulan beberapa pembangunan dikenal pasti sedang dilaksanakan dalam kawasan hijau itu, termasuk di puncak bukitnya.



Penasihat Persatuan Penduduk Bukit Bandaraya, Datuk Mumtaz Ali berkenaan hutan simpan Bukit Persekutuan. STR/HAREEN MOHAMAD

Lebih membimbangkan, tempias kesan buruk itu dikhuatiri terkena penduduk di kaki bukit itu dan kawasan sekitar seperti Jalan Travers, Jalan Limau Purut, Jalan Limau Mani di Bukit Bandaraya serta beberapa lagi perumahan di bawah Bukit Persekutuan serta pengguna jalan raya di situ seperti ketika banjir kilat dan tanah runtuh berlaku sebelum ini.

Beliau yang juga Penasihat Persatuan Penduduk Bukit Bandaraya Bangsar, meminta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengesyorkan kepada Jabatan Warisan Negara berhubung pewartaan kawasan itu sebagai Tapak Warisan Semula Jadi Negara untuk memelihara kawasan hijau itu daripada terus diteroka untuk projek pembangunan.

Katanya, pembangunan besar-besaran terhadap Bukit Persekutuan, termasuk kawasan kaki bukit membabitkan projek pembangunan bercampur di tapak Institut Kesihatan Umum Malaysia (IKUM) perlu dihentikan demi keselamatan penduduk.

"Sebelum ini sudah ada kejadian tanah runtuh dan banjir kilat di kawasan ini yang mengancam nyawa penduduk dan sesuatu perlu dilakukan untuk mencegah kejadian ini daripada berulang.

"Atas sebab itu kita mohon DBKL untuk terus memelihara kehijauan Bukit Persekutuan termasuk kawasan sekitar seperti Taman Botani Perdana, Bukit Aman dan Taman Tugu dengan mewartakannya," katanya.

Beliau mengulas laporan BH mengenai Bukit Persekutuan yang sepatutnya menjadi 'nadi hijau' bagi ibu kota kini berdepan ancaman dengan beberapa projek pembangunan dan penerokaan sedang dilakukan, termasuk di kawasan puncak bukit.



Kondominium Bangsar Indah di cerun Bukit Persekutuan.

Pada masa sama, M Ali berkata, Bukit Persekutuan adalah satu-satunya green lung atau kawasan hijau yang masih tinggal di tengah ibu kota selepas Bukit Nanas dan Bukit Gasing yang didakwa sudah 'habis' disebabkan pembangunan.

Beliau berkata, selain kepentingan kawasan hijau di Bukit Persekutuan, ia perlu dipelihara kerana nilai sentimental dan sejarahnya sebagai kediaman penjawat awam sebelum ini.

Katanya, pada 2019 lalu, komuniti di Bukit Persekutuan dimaklumkan bahawa DBKL akan mengesyorkan untuk tidak mempertimbangkan bagi pembinaan pembangunan di tapak IKUM di bahagian bawah bukit.

"Ini kerana melalui pemahaman kami, Bukit Persekutuan berada dalam keadaan 'Cerun Tahap 4' dan tidak sesuai untuk pembangunan terlampau padat seperti mana dicadang pihak pemaju.

"Namun kini kami mendapati pembangunan itu tetap diteruskan. Kami dimaklumkan Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia bahawa ada pengumpulan air bawah tanah pada jangka masa panjang dalam Bukit Persekutuan akibat kerja penambakan tidak mengikut spesifikasi sebelum ini," katanya.



Kesan runtuh di Lingkungan Negeri Sembilan, Bukit Persekutuan yang memberi kesan kepada penduduk Jalan Limau Purut . - Foto NSTP/Asyraf Hamzah

Sementara itu, penduduk di Jalan Limau Purut, Liu Tai Shin, 70, berkata kejadian tanah runtuh di kawasan rumahnya tahun lalu menyebabkan beliau dan sekeluarga sering dihantui trauma, apatah lagi setiap kali ketika hujan lebat.

Tai Shin berkata, mereka juga tidak dapat tidur lena apabila berlaku hujan lebat berikutan bimbang tanah daripada runtuh di atas bukit mengenai kediaman sekali lagi.

"Setiap kali hujan, saya akan kerap melihat ke bahagian belakang kerana bimbang bukan sahaja tanah runtuh mengenai kediaman namun keselamatan nyawa kami juga.

"Saya juga mengeluarkan kos sendiri untuk menambah baik sistem perparitan di kawasan rumah bagi memastikan air dapat mengalir dengan baik," katanya.

Pada 23 Oktober tahun lalu, berlaku jalan runtuh sejauh 40 meter di Lingkungan Negeri Sembilan di mana tanah itu 'dibawa' hingga ke Jalan Limau Purut di Bangsar.

Susulan kejadian itu, penduduk diminta berpindah berikutan kawasan itu dikesan tidak selamat dan insiden terbabit adalah kali kedua dilaporkan berlaku dalam tempoh beberapa bulan.

DBKL kini sedang melakukan kerja pembaikan cerun di kawasan kediaman terjejas.

Seorang lagi penduduk mahu dikenali sebagai Thomas, 50, mendakwa tanah runtuh itu menyebabkan beliau kerugian lebih RM60,000 termasuk kematian beberapa ekor ikan Arowana yang dipeliharanya akibat tertimbus tanah.

Beliau berkata, walaupun tembok sedang dibina semula namun pihaknya bimbang kejadian sama berulang dan mohon pihak bertanggungjawab untuk menghentikan pembangunan.